

A. Gariskan kata yang salah ejaannya dalam ayat di bawah ini.

- 1 Imran menulis deraf laporan itu dalam buku catatannya.
- 2 Sesetengah penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman masih belum menerima bekalan eletrik.
- 3 Nurin berada dalam dilemma sama ada hendak meneruskan pengajiannya atau menanggukannya buat sementara waktu.
- 4 "Kita perlu mengatur strateji untuk menewaskan pihak musuh," kata Leftenan Adnan kepada anak-anak buahnya.
- 5 Insyirah sekeluarga makan malam di sebuah restoren makanan laut.
- 6 Dua belok rumah pangsa di kawasan itu dijangka siap pada tahun depan.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Jenerasi muda perlulah diberi pendidikan yang sempurna kerana merekalah yang akan memegang tampuk pemerintahan negara pada masa depan.  
\_\_\_\_\_
- 2 Paspot yang dijumpai oleh Haikal kepunyaan seorang pelancong dari Jepun.  
\_\_\_\_\_
- 3 Kedua-dua orang pemimpin parti politik di negara jiran itu sering berbalah kerana mereka mempunyai ideoloji yang berbeza.  
\_\_\_\_\_
- 4 "Ayat yang kamu tulis ini salah dari segi tata bahasanya," kata Cikgu Maisarah kepada Su Lin.  
\_\_\_\_\_
- 5 Pelbagai peralatan telah dicipta untuk kemudahan manusia hasil kemajuan dalam bidang sains dan teknologi.  
\_\_\_\_\_
- 6 Encik Mukhriz sedang bertanyakan sesuatu kepada pra-mugari yang bertugas.  
\_\_\_\_\_
- 7 Kak Tina menghantar surat peletakan jawatan setelah beberapa tahun bekerja di egensi pelancongan itu.  
\_\_\_\_\_
- 8 Hanya dua orang pekerja di syarikat kami yang diberi kenaikan gaji maksimum.  
\_\_\_\_\_

[8 markah]